

Perjalanan yang Masih Berliku

Oleh **AMIRAH SYAZWANI BADEROL SHAM**

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia tidak pernah sunyi untuk diperkatakan. Entah berapa kali isu-isu besar menghimpit bahasa Melayu agar nasibnya sebagai bahasa kebangsaan hilang bisanya. Namun, pejuang bahasa kebangsaan tidak boleh duduk berpeluk tubuh membiarkan bahasa kebangsaan diperkatak-katikan di tanah airnya sendiri. Jika ada timbul isu yang menggugat bahasa kebangsaan, mereka akan pantas membawanya ke hadapan. Campur tangan kesultanan Malaysia seperti titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dalam usaha mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia merupakan antara pendorong semangat kepada para pejuang bahasa kebangsaan untuk iuris mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia.

Perjalanan memartabatkan bahasa Melayu setelah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan Malaysia bukanlah suatu yang mudah. Sharifah Darnia dalam tulisannya yang bertajuk "Cabaran dan Reaksi Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam Bidang Pentadbiran dan pendidikan di Malaysia, 1957-1966" menceritakan pahit getir pejuang bahasa Melayu terdahulu di Malaysia. Menurut beliau, tempoh 10 tahun selepas merdeka merupakan tempoh yang sangat sukar bagi bahasa Melayu kerana disaiyil hebat oleh pengaruh bahasa Inggeris dan bertambah sukar apabila ada dalam kalangan pemimpin politik Melayu sendiri yang menentang usaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sebenarnya, perjuangan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga mengambil masa yang lama dan mula dibangkitkan oleh raja-raja Melayu dalam mesyuarat Durbar pada tahun 1903 dan sekali lagi Raja-raja Melayu telah menetapkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu sebagai salah satu antara tujuh wasiat sebelum menurunkan tandatangan persetujuan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957. Berdasarkan wasiat tersebutlah, bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan Tanah Melayu.

Kedudukan bahasa Melayu amat teguh jika diperhatikan dari sudut undang-undang. Pada tahun 1957, bahasa Melayu telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai bahasa kebangsaan. Perkara 152 menyatakan, "Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang dipernintukkan oleh undang-undang melalui Parlimen."



Peristiwa Keranda 152 pada tahun 1967.

Kedudukan bahasa Melayu kemudiannya diperkemas melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 - Akta 32. Kemas kini 2006 pula menetapkan bahawa "Bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) hendaklah digunakan bagi maksud rasmi". Hal ini bermaksud bahwa bahasa Melayu telah diberikan hak yang sah untuk digunakan dalam semua urusan rasmi negara, sama ada pada peringkat kerajaan persekutuan, negeri, ataupun mahupun oleh badan-badan kerajaan.

Peran pemimpin politik pada ketika itu juga beranjak kepada masyarakat untuk terus memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan selain memberikan jaminan bahawa bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal di negara ini. Namun, janji tersebut gagal ditunaikan apabila para pucuk kepimpinan negara menunjukkan sikap acuh tak acuh dalam pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan. Oleh itu, para pejuang bahasa kebangsaan telah mengerahkan Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan dan berjaya menghimpunkan seramai 2000 ahli nasionalnya pada 3 Mac 1967. Peristiwa tersebut dirujuk sebagai "Keranda 152". Selepas peristiwa tersebut, bahasa Melayu terus diberikan nafas baharu dan segar sebagai bahasa

kebangsaan di Malaysia. Tambahan pula, populariti ahli politik pada ketika itu juga bergantung pada komitmennya memartabatkan bahasa Melayu. Beliau sayang kepada bangsa Melayu terhadap bahasa Melayu pada ketika itu hingga mereka sanggup bangkit untuk mempertahankannya.

Wan Hashim Wan Teh dalam *Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)* pada tahun 2005 telah menyatakan perjuangannya memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan utama negara telah tiba di kemuncaknya apabila bahasa ini diangkat sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara kita sehingga ke peringkat universiti. Hal ini membuktikan komitmen dan kesungguhan kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang tinggi tarafnya. Namun, perjalanan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, terutamanya bahasa ilmu yang disingkatkan panas sampai ke petang rupanya bujan di tengah hari apabila kembali dihimpit isu-isu panas pada tahun 1990 an. Profesor Datu Paduka Datuk Dr. Hajah Kamillah Adam dalam kajiannya bertajuk "Pendantilan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Ilmu di Malaysia: Sejarah dan Kedudukan

Masa Kini", isu nilai bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu mula timbul apabila Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad membuat pengumuman bahawa semua kuliah sains dan teknologi di Institut Pengajian Tinggi (IPT) hendaklah disampaikan dalam bahasa Inggeris pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, isu ini kurang diperdebatkan disebabkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran di IPT kerana pada pelajaran telah disaring pemilihannya berdasarkan kebolehan masing-masing. Tambahan pula, mereka juga telah matang dari segi tindak tanduk dan pemikiran serta jiwa dan minda mereka telah disebatkan dengan bahasa Melayu sepanjang berada di alam persekolahan.

Bukan terhenti setakat itu sahaja, bahasa Melayu yang telah menjadi tumpuan asas pembangunan negara setelah hampir setengah abad Malaysia menikmati kemerdekaan terus digugat fungsinya sebagai bahasa ilmu. Tindakan kerajaan untuk kembali menjadikan bahasa lain sebagai bahasa pengantar melalui dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2003 dilihat cuba mengurangkan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan, Akta Pendidikan dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka. Tidak cukupkah pengecualian yang diberikan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah termasuk penggunaan bahasa Inggeris pada peringkat IPT di bawah seksyen 17 (1) dan 17 (2) walaupun martabatnya sebagai bahasa ilmu telah diwartakan melalui Akta Pendidikan 1996?

Sebenarnya, keputusan kerajaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam PdP di sekolah sejak kemerdekaan adalah tepat kerana Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Sainifik, Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Irina Bokova sendiri mengesyorkan supaya bahasa ibunda masing-masing dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah, terutamanya pada peringkat sekolah rendah. Setelah menerima pandangan dan pendapat banyak pihak, kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan PPSMI pada tahun 2009. Hal ini berikutan banyak kajian dan laporan yang menunjukkan hasil yang kurang baik sejak PPSMI dilaksanakan di negara kita. Antaranya termasuklah masalah guru yang tidak dapat menyampaikan ilmu tersebut dengan berkesan disebabkan guru terbalut tidak mahir bertutur dalam bahasa Inggeris sehingga kebanyakan guru menggunakan campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam PdP mereka seperti yang terdapat dalam laporan "Kajian Kompetensi Guru dalam PPSMI serta Implikasinya terhadap Prestasi ke Arah Pembangunan Modal Insan". Keputusan ini disambut baik oleh rata-rata lapisan masyarakat, terutamanya bagi para pejuang bahasa Melayu di negara kita.

Perjalanan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan masih berlaku biar pun PPSMI telah dimansuhkan. Program baharu yang diperkenalkan, iaitu *Dual Language Problem* (DLP) dilihat cuba mengembalikan semangat PPSMI yang telah hilang. DLP merupakan program pengukuh bahasa Inggeris yang menawarkan pengajaran dan pembelajaran untuk beberapa subjek yang boleh diajar menggunakan sama

Perjalanan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan masih berlaku biar pun PPSMI telah dimansuhkan. Program baharu yang diperkenalkan, iaitu *Dual Language Problem* (DLP) dilihat cuba mengembalikan semangat PPSMI yang telah hilang.

ada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Adakah program ini ada kaitannya dengan rancangan membawa masuk ribuan guru bahasa Inggeris dari India seperti yang dibayangkan oleh pihak Kementerian berkenaan tidak lama dulu? Walau apapun sebab dan alasan yang diberikan, pelaksanaan DLP ibarat luka lama berdarah kembali kepada semua pihak yang memperjuangkan pemansuhan PPSMI. DLP dan Program Imersif Tinggi atau *Highly Immersive Programme* (HIP) yang diperkenalkan di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) diwujudkan untuk merealisasikan aspirasi rakyat menentusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Mantan Timbalan Menteri Pendidikan, Datu P. Kamalanathan menyatakan kedua-dua program tersebut tidak akan meniatuhkan martabat bahasa Melayu kerana menekankan kepada penguasaan kedua-dua bahasa dalam kalangan pelajar Malaysia. Namun, nada berbeza disuarakan oleh Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA), UKM, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong yang berpendapat DLP seakan roh PPSMI. Namun, beliau menyokong HIP kerana tujuan program tersebut yang selari dengan dasar memartabatkan bahasa Melayu

serta memperkukuh bahasa Inggeris dalam komuniti sekolah di Malaysia.

Berdasarkan pemerhatian, perjalanan bahasa Melayu, terutamanya sebagai bahasa ilmu penuh dengan onak duri. Gara-gara globalisasi, masyarakat kita diseru supaya menguasai bahasa Inggeris jika ingin bergelar sebuah bangsa yang maju sedangkan negara Jepun dan Korea mampu bergelar negara maju dengan menggunakan bahasa mereka sendiri. Kelemahan menguasai bahasa Inggeris yang menjadi agenda sedangkan penguasaan bahasa Melayu yang semakin lemah dalam kalangan pelajar Malaysia dipandang sepi. Tiada sebarang usaha atau program yang dilaksanakan untuk menangani masalah tersebut sebaliknya penguasaan bahasa Inggeris yang diberikan perhatian. Renungi dan hayatilah ayat 4 *Surah Ibrahim* yang bermaksud "Dan kami tidak mengutuskan seorang Rasul, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka". Bahasa Melayu yang sememangnya paling layak dimartabatkan sebagai bahasa ilmu dalam setiap lapisan pendidikan negara kita berbanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia dan setiap daripada kita perlu memperjuangkannya. **08**